

Kuiz Pelaburan PNB 2021

Sebahagian besar daripada pelajar akan menerima eluan harian atau bulanan untuk belanja persekolahan dan wang inilah yang akan digunakan untuk mengisi perut yang kosong sepanjang waktu persekolahan.

Wang ini sekiranya diurus dengan baik, tidak mustahil boleh dikumpul dan digunakan untuk perkara lain pula seperti menonton wayang dan berlibur atau lebih baik lagi untuk dilaburkan.

Cara paling mudah untuk mengurus wang ialah dengan menyediakan tabung supaya sebarang lebihan wang tidak hilang begitu sahaja atau digunakan tanpa disedari.

Tidak kira walaupun lebihan hanyalah 10 sen, jadikannya sebagai amalan untuk memasukkan wang ke dalam tabung.

Apabila tabung sudah penuh, minta pada ibu bapa untuk melaburkannya dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB).

Tahukah anda mengapa wang perlu dilaburkan?

Ini kerana wang yang dilaburkan akan menerima keuntungan dalam bentuk dividen. Ini bermakna, wang akan bertambah dengan sendirinya menerusi keuntungan berkenaan.

Namun, jika wang dibiarkan

Laburkan wang, jangan biar dalam tabung



Wang yang dikumpul dalam tabung dan kemudiannya dilaburkan boleh membantu membina tabung pendidikan atau untuk mencapai pelbagai matlamat lain di masa hadapan.

Tip menabung dan melabur

- Masukkan duit terus ke dalam tabung walau lebihan hanya 10 sen.
- Tetapkan matlamat untuk memenuhi tabung dengan pantas.
- Laburkan wang dalam tabung setiap kali tabung penuh.
- Wang yang dilaburkan berpeluang menerima keuntungan atau dividen.
- Jangan biarkan sahaja wang dalam tabung kerana ia tidak menghasilkan pendapatan, malah mungkin habis digunakan.

dalam tabung, jumlahnya tidak akan bertambah dengan sendirinya ada kemungkinan habis digunakan kerana mudah dikeluarkan.

Sebagai contoh, anda berjaya mengumpul RM200 selepas berusaha memenuhi tabung selama satu tahun.

Sekiranya wang ini dilaburkan dan menerima purata dividen tahunan sebanyak empat peratus, anda akan menerima dividen sebanyak RM8 pada tahun pertama, RM16 pada tahun kedua dan RM25 pada tahun ketiga.

Selepas tiga tahun, jumlah wang anda telah berkembang kepada RM225 tanpa anda perlu menambahnya.

Sekiranya lebih banyak wang dalam akaun pelaburan, maka lebih besarlah dividen yang akan diperoleh.

Oleh itu, sentiasalah berusaha untuk menambah wang dalam akaun pelaburan dengan melaburkan duit raya atau duit hadiah yang diterima.

Pastikan juga anda terus melabur selepas bekerjaya supaya akaun pelaburan ini terus aktif dan menjadi sumber pendapatan pasif yang sentiasa ada tidak kiralah sama ada ia digunakan untuk meneruskan pengajian, membeli kereta pertama, sebagai deposit rumah dan sebagainya.

KUIZ PELABURAN PNB 2021

#capaikemerdekaankewangan

SOALAN-SOALAN

MELINTANG

1. secara mudahnya ialah menyimpan wang untuk tujuan keselamatan dan ia boleh dikeluarkan pada bila-bila masa.
2. Dividen ialah daripada pelaburan yang akan menambah kepada modal asal yang dilaburkan. Katakan Ali melabur RM100 dan selepas setahun, dia menerima dividen sebanyak 5 peratus, menjadikan wang Ali bertambah kepada RM105.

MENEGAK

3. akan menyebabkan nilai wang yang disimpan dan tidak dilaburkan semakin mengecil selepas satu tempoh tertentu
4. Elaun atau duit belanja boleh dimasukkan ke dalam sebelum dilaburkan untuk mendapat pulangan/dividen.
5. Kuasa faedah akan mengembangkan wang yang dilaburkan jika wang berkenaan dan dividen yang diterima tidak dikeluarkan untuk satu tempoh yang panjang.
6. ASB ialah unit amanah harga Ini menjadikannya produk pelaburan berisiko rendah yang sesuai untuk pelaburan jangka panjang dan membina tabungan pendidikan, kecemasan, perkahwinan dan persaraan.

KAEDAH PENYERTAAN

- Kuiz Pelaburan PNB Kategori Remaja terbuka kepada warganegara Malaysia yang berusia 13 tahun - 17 tahun.
- Borang Penyertaan untuk Kuiz Pelaburan PNB Kategori Remaja boleh diakses di www.asnb.com.my. Peserta perlu menjawab secara dalam talian (on-line)
- Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
- Tiada had penyertaan, bagaimanapun seorang peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.
- Pemilihan pemenang adalah berdasarkan jawapan yang betul dan akan dibuat menggunakan sistem pemilihan yang telah ditetapkan pengatur. Keputusan pemenang adalah mutlak.
- Terma dan syarat lanjut peraduan di www.asnb.com.my

Tarikh tutup penyertaan : 22 Ogos 2021

Online KATEGORI REMAJA (13 - 17 Tahun)

Hadiyah untuk dimenangi Pertama

3X RM1,000

KEDUA **5x RM700** **KETIGA** **7x RM500**

KEEMPAT **20x RM250** **KELIMA** **30x RM200**

Saguhati : 50 x RM100

www.asnb.com.my
Imbas untuk jawab dan penyertaan

www.asnb.com.my

Imbas untuk jawab dan penyertaan